

08 FEB 1998

Abdullah-Asean

M'SIA GEMBIRA NEGARA ASEAN SEDIA KERJASAMA DAN MUAFAKAT, ABDULLAH

KEPALA BATAS, 8 Feb (Bernama) -- Malaysia gembira kerana negara-negara Asean sedia memberi kerjasama dan bermuafakat untuk sama-sama menangani masalah kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, Malaysia berharap kerjasama dan permuafakatan yang ditunjukkan itu akan membawa kejayaan yang lebih besar bagi rakyat di kalangan negara-negara di rantau ini.

Hasil lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Thailand, Filipina dan Singapura yang berjaya mendapat persetujuan negara-negara berkenaan untuk menggunakan mata wang masing-masing dalam perdagangan antara mereka menunjukkan mereka bersedia untuk bermuafakat dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah sendiri.

"Saya berharap kerjasama itu akan menjadi suatu usaha yang berterusan untuk dipertingkatkan dari masa ke masa," katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Umno bahagian Kepala Batas di sini. Beliau juga merupakan anggota Parlimen kawasan itu.

"Ini merupakan kesan baik yang muncul daripada kegawatan ekonomi yang kita sama-sama alami," katanya lagi.

Abdullah berkata, rakyat Malaysia juga patut bergembira kerana pertemuan Dr Mahathir dengan pemimpin ketiga-tiga negara Asean itu menyebabkan persetujuan awal mengenai penggunaan mata wang Asean yang dibuat di sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Kuala Lumpur pada Disember lepas menjadi kenyataan.

Persetujuan untuk mempertingkatkan perdagangan sesama negara-negara Asean serta menggunakan mata wang negara-negara berkenaan merupakan susulan kepada persetujuan pada sidang kemuncak itu.

Langkah susulan seterusnya akan dibincangkan lagi dalam sidang pemimpin-pemimpin Asean yang bakal diadakan secara rasmi dan tidak rasmi sekurang-kurangnya setahun sekali.

Beliau berkata, perkara itu juga akan dibangkitkan dalam mesyuarat Asia Eropah (Asem) yang bakal diadakan di London tidak lama lagi.

Abdullah berharap rakyat menyambut baik saranan Perdana Menteri itu supaya menunjukkan sokongan berterusan terhadap kerajaan.

Rakyat harus terus melabur seperti yang disarankan dan ia harus diterima dan dilaksanakan dan jangan cepat untuk mengambil untung, agar dapat memberi kesan baik untuk memulihkan ekonomi negara. -- BERNAMA

AHM PR